

▼13/06/13-19MST

CNS6504

U.GB 13-06 00205 BD837

aab

Mahathir - pilihan raya

PEMIMPIN BN TIDAK HARUS KECEWA JIKA PILIHAN RAYA BUKAN SEKARANG

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Pemimpin Barisan Nasional (BN) tidak harus bosan atau kecewa jika pilihan raya umum tidak diadakan sekarang walaupun persiapan untuk menghadapinya sudah dibuat oleh mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, hari ini berkata walaupun ramai orang berpendapat keadaan aman yang dikecapi negara sekarang dianggap masa yang baik untuk diadakan pilihan raya, namun pilihan raya umum tidak semestikan diadakan sekarang.

"Di sini saya hendak mengumumkan bahawa pilihan raya akan diadakan dalam jangkamasa... daripada sekarang hingga hujung Disember 1995," katanya sambil disambut dengan gelak ketawa dan tepukan daripada kira-kira 2,000 orang yang hadir untuk menerimanya di lapangan terbang Batu Berendam di sini bagi lawatan seharinya ke Melaka.

Yang turut hadir ialah isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik, anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan dan pemimpin komponen parti BN negeri.

Dr Mahathir berkata pemimpin politik harus terus berusaha memajukan negara bagi kepentingan rakyat yang memilih mereka memandangkan ada banyak lagi kerja yang perlu dilakukan. -- Lagi

▼13/06/10-38MST

CNS6505

U GB 13-06 00153 BD838

aab

Mahathir - pilihan raya 2 Melaka

"Membangunkan negara adalah perjuangan jangka masa panjang. Dah bangun nak dibangunkan lagi dan semua ini untuk rakyat dan bukan untuk pemimpin. Pemimpin diberikan tugas untuk menyelaras dan bukan untuk membesar-besarkan diri atau menjadi pembesar.

"Kita semua sama sahaja. Tidak ada perbezaan sesama kita pemimpin dan rakyat. Yang beza sesama kita adalah tugas tetapi selain itu kita semua demokratik," katanya.

Dr Mahathir berkata, pemimpin dan rakyat harus sentiasa mengekalkan keamanan yang ada sekarang bagi menjamin pembangunan negara dapat diteruskan.

"Tidak ada guna kita menjadi pemimpin sebuah negara yang tidak aman kerana kita akan dipandang hina.

"Oleh itu semua orang harus mengekalkan keamanan yang dikecapi negara sejak merdeka, malah mereka yang datang dari jauh dan melabur di negara ini senang hati kerana dalam masa 10 tahun akan datang mereka akan mengecapi hasil di luar jangkaan mereka," katanya. -- Lagi

▼13/06/10-42MST

U GB 13-06 00193 BD839

aab

Mahathir - pilihan raya 3 (Akhir) Melaka

Dr Mahathir berkata kejayaan dan keamanan yang dikecapi negara sekarang adalah hasil rakyat hidup rukun damai selama ini tanpa sebarang tekanan.

"Kita tidak harus menekan keadaan kerana ini tidak akan membawa faedah sekiranya tekanan seumpama itu boleh mengakibatkan rusuhan dan menjadikan negara berada dalam keadaan yang tidak baik.

"Kita tidak boleh menjadi seperti sesetengah negara pelampau dan mengamalkan sikap menekan golongan tertentu seperti golongan agama sehingga mengakibatkan negara itu dalam keadaan tidak baik.

"Kita juga tidak mahu menjadi pemimpin sesetengah negara yang sebelum menjadi pemimpin sentiasa mengancam penindasan terhadap golongan lain tetapi apabila dia mula mendapat sedikit kuasa, akhirnya dia sendiri mengamalkan sikap menindas," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat termasuk pemimpin negara harus sentiasa bersyukur kerana sejak merdeka lebih 30 tahun negara sentiasa aman.

"Kita harus kekalkan keamanan ini dan terus berusaha membangunkan negara demi kepentingan semua," katanya.

Semasa di Melaka, Dr Mahathir akan merasmikan tapak perindustrian bagi pembuatan komponen pesawat ringan khususnya Eagle Aircraft kepunyaan negara ini, kilang keluli Ornasteel berharga RM1,200 juta dan Muzium Samudera. -- Bernama

AFY ARA AKD